



INSTITUT PENILAIAN NEGARA
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
PERSIARAN INSPEN, 43000 KAJANG, SELANGOR
MUKIM DENGKIL, DAERAH SEPANG, SELANGOR

NOTIS KERJA UNDI BIL. 1 TAHUN 2021


SYARAT-SYARAT KERJA CABUTAN UNDI

1. Dibuka kepada Kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan CIDB dalam Gred G1, Daerah Sepang, Negeri Selangor, Kategori Bangunan Pengkhususan B24 (Kerja Penyelenggaraan Bangunan).
2. Kontraktor hendaklah berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) masih dalam tempoh sah laku minima berbaki enam (6) bulan** dari tarikh tutup permohonan.
3. Hanya penama di dalam SPKK (CIDB) sahaja boleh memohon atau berdaftar secara atas talian dan tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama yang dinamakan dalam sijil melalui pengisytiharan atau pengesahan pemohon.
4. Kontraktor-kontraktor yang pernah mendapat kerja secara lantikan terus, sebutharga ataupun tender yang ditawarkan oleh Institut Penilaian Negara pada tahun 2021 tidak layak menyertai Cabutan Undi ini.
5. Kontraktor yang berjaya hendaklah memulakan kerja di tapak selewat-lewatnya tujuh (7) hari selepas INDEN KERJA di serahkan kepada pihak Kontraktor. Inden Kerja akan dibatalkan jika pihak Kontraktor yang berjaya semasa undian tetapi gagal memulakan kerja fizikal di tapak kerja pada masa yang ditetapkan. Kontraktor calon simpanan akan dilantik bagi menggantikan kontraktor yang gagal memulakan kerja ditapak pada masa yang ditetapkan.
6. Kontraktor yang gagal menjalankan kerja-kerja fizikal ditapak bina secara berterusan selama tujuh (7) hari akan ditamatkan perkhidmatan. Sila pastikan pihak kontraktor mempunyai wakil lain untuk melaksanakan kerja di tapak bina jika pihak kontraktor dikehendaki mengkuarantinkan diri secara wajib oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.
7. Kontraktor yang berjaya dikehendaki mendapatkan kelulusan spesifikasi bahan binaan dan kaedah kerja daripada Pegawai Penguasa atau wakil yang dilantik terlebih dahulu sebelum memulakan kerja di tapak bina.
8. Kontraktor yang tidak bersetuju dengan spesifikasi bahan binaan yang dikehendaki dan diputuskan oleh Pegawai Penguasa atau wakil, Inden Kerja akan terbatal secara automatik dan pihak Institut Penilaian Negara akan melantik kontraktor calon simpanan sebagai kontraktor pengganti.

9. Semua ukuran yang dinyatakan pada Senarai Kuantiti kerja-kerja yang ditawarkan adalah berdasarkan Kuantiti Sementara, pihak kontraktor yang berjaya adalah terikat pada pengukuran semula kuantiti kerja sama ada kurangan atau tambahan kuantiti semasa pengukuran semula dilakukan diantara Pegawai Penguasa atau wakilnya dan pihak kontraktor.
- 10. Kerja-kerja yang ditawarkan hendaklah disiapkan selewat-lewatnya 15 November 2021 kecuali kerja-kerja yang tidak dapat disiapkan disebabkan oleh kelewatan yang berpunca daripada pihak Institut Penilaian Negara.**
11. Invois tuntutan bayaran kesiapan kerja, laporan bergambar sebelum, semasa dan selepas siap kerja hendaklah diserahkan ke Unit Pengurusan Harta Dan Fasiliti, Institut Penilaian Negara tidak lewat daripada 19 November 2021. Kegagalan pihak Kontraktor menyerahkan Invois selepas 19 November 2021 boleh menyebabkan pembayaran akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan menurut Arahan Perbendaharaan 58 daripada Kementerian Kewangan Malaysia pada **pertengahan tahun 2022.**
12. Kontraktor hendaklah membuat permohonan pendaftaran secara atas talian (online) <https://forms.gle/yNncBAfNvjZ2j64m8> bermula jam **10.00 pagi pada 9 Oktober 2021 sehingga jam 12.00 tengah hari 11 Oktober 2021 (Isnin).**
13. Dokumen-dokumen wajib yang perlu dimuatnaik pada <https://forms.gle/yNncBAfNvjZ2j64m8> adalah seperti berikut:
- Salinan Kad Pengenalan Pemilik Syarikat atau Pegawai Ditaauliahkan seperti yang tertera pada Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB)
 - Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB)
 - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
 - Sijil Taraf Bumiputera (STB)
 - Salinan Penyata Bank Syarikat atau buku bank syarikat yang menunjukkan nombor akaun yang jelas.
 - Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
14. Hanya kontraktor yang mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan dan menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Institut Penilaian Negara sahaja akan layak untuk menyertai cabutan undi. Kontraktor yang gagal untuk mendaftar pada tempoh waktu yang ditetapkan atau gagal memenuhi syarat dan yang ditetapkan akan **DITOLAK. Sebarang rayuan akan ditolak.**
15. **Kontraktor yang gagal memuatnaik dokumen-dokumen yang diperlukan dengan betul, tepat, terang dan jelas serta boleh dibaca pada pautan <https://forms.gle/yNncBAfNvjZ2j64m8> akan ditolak setelah pendaftaran ditutup.** Sila pastikan dokumen-dokumen yang akan dimuatnaik adalah betul dan jelas boleh dibaca. Sebarang rayuan permohonan memuatnaik semula dokumen setelah pendaftaran ditutup akan ditolak.
16. Kontraktor yang tidak bersetuju dengan Syarat-Syarat yang dinyatakan diatas tidak dibenarkan menyertai Cabutan Kerja Undi ini. Kontraktor yang berjaya dalam cabutan undi ini ditafsirkan telah bersetuju dengan dengan syarat-syarat yang dinyatakan diatas.

SESI CABUTAN UNDI

1. Cabutan undi akan dilaksanakan secara online melalui medium sidang video secara langsung dengan menggunakan perisian Microsoft Teams. Pihak kontraktor dikehendaki memuat turun melalui alamat <https://www.microsoft.com/en-my/microsoft-teams/download-app> bagi mengikuti sidang video sesi cabutan undi secara langsung. Pihak kontraktor dinasihatkan memuat turun dahulu perisian ini dan menguji terlebih dahulu sebelum mengikuti siaran langsung cabutan undi pada tarikh sebenar bagi mengelakkan sebarang masalah teknikal.



2. Pihak kontraktor tidak perlu hadir ke Institut Penilaian Negara bagi mengikut sesi cabutan undi.
3. Tarikh dan waktu cabutan undi adalah seperti pada ketetapan berikut
Tarikh : 15 Oktober 2021 (Jumaat)
Masa : 10.30 pagi
4. Tuan/Puan dikehendaki klik link siaran langsung bagi proses cabutan undi secara online.
[Click here to join the meeting](#)

SENARAI KONTRAKTOR YANG LAYAK UNTUK DI UNDI

1. Senarai kontraktor yang layak untuk di undi akan di paparkan pada laman web selewat-lewatnya sehari sebelum pengundian dilaksanakan
2. Sila klik bagi menyemak senarai kontraktor yang layak diundi
<https://www.inspen.gov.my/index.php/my/tender-dan-sebut-harga-2021>

SENARAI KONTRAKTOR YANG BERJAYA SEMASA UNDIAN

1. Senarai kontraktor yang berjaya dan kontraktor calon simpanan akan dipamerkan dilaman web <https://www.inspen.gov.my/index.php/my/tender-dan-sebut-harga-2021> selepas undian dijalankan.

SENARAI KERJA CABUTAN UNDI YANG DITAWARKAN

Bil.	Nama Projek	Anggaran Kos (RM)
1.	Kerja-Kerja Mengecat Ruang Gunasama Asrama Blok Sri Bendahara INSPEN.	RM86,864.10
2.	Kerja-Kerja Mengecat Ruang Gunasama Asrama Blok Sri Temenggong INSPEN.	RM80,852.30
3.	Kerja-Kerja Mengecat Ruang Gunasama Asrama Blok Tun Fatimah INSPEN.	RM80,852.30
4.	Kerja-Kerja Mengecat Ruang Gunasama Asrama Blok Tun Teja INSPEN.	RM86,864.10
5.	Kerja-Kerja Baikpulih Kuarters Blok A (Pakej 1)	RM 26,881.90
6	Kerja-Kerja Baikpulih Kuarters Blok A (Pakej 2)	RM 25,028.10
7.	Kerja-Kerja Baikpulih Kuarters B, Kuarters Blok Semi D dan Bilik Makan VIP Kompleks Semarak dan Kerja-Kerja Berkaitan	RM 31,463.95

TAMAT